



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Tekhokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld 3 (18)

Tarikh : 21 Disember 2020

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 11/2020**

**PENJAJARAN HASIL PEMBELAJARAN DALAM STANDARD PROGRAM KEPADA HASIL PEMBELAJARAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA EDISI KEDUA BAGI:**

- (I) **STANDARD PROGRAM: KEWANGAN**
- (II) **STANDARD PROGRAM: SAINS MAKLUMAT**
- (III) **STANDARD PROGRAM: KOMPUTERAN**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 2/2018 – Pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) Edisi Kedua bertarikh 20 Mac 2018. Merujuk kepada pekeliling tersebut, tarikh kuat kuasa penggunaan dan pematuhan kepada MQF Edisi Kedua bagi program yang memohon Akreditasi Sementara ialah pada 1 April 2019, manakala bagi program yang memohon Akreditasi dan melalui Audit Pematuhan ialah pada 1 April 2020.

3. Sehubungan dengan ketetapan dalam pekeliling tersebut, MQA telah menambah baik Hasil Pembelajaran (Learning Outcomes, LO) dalam tiga standard program MQA seperti berikut:

- a) Standard Program: Kewangan;
- b) Standard Program: Sains Maklumat; dan
- c) Standard Program: Komputeran.

4. Pihak MQA dengan kerjasama pakar bidang Kewangan, Sains Maklumat dan Komputeran telah menjajarkan LO dalam standard program yang berkaitan kepada LO dalam MQF Edisi Kedua. Ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menambah baik kandungan program pengajian selaras dengan keperluan penambahbaikan kualiti secara berterusan (Continuous Quality Improvement, CQI).



5. Ketiga-tiga dokumen standard program yang telah dibuat penjajaran boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

6. Diharapkan pengemaskinian ini dapat membantu pihak PPT dalam membuat penambahbaikan yang bersesuaian ke atas program yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**